

Air terjun zaman kanak-kanak PM dicemari keladak simen

Oleh SUWARNI MOKHTAR

PULAU PINANG 7 Feb. – Suatu ketika dahulu, air terjun di Kampung Perlis, Bayan Lepas di sini yang begitu dingin dan jernih menjadi tempat tumpuan mandi-manda orang ramai termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sendiri ketika zaman kanak-kanaknya.

Ketika itu, kolam takungan di kaki air terjun di kampung kelahiran Perdana Menteri itu mencecah kedalaman paras dada lelaki dewasa.

Namun itu cerita lama. Perubahan masa dan ketamaman manusia menodai kehijauan alam sekitar menyebabkan keindahan air terjun itu kini hanya tinggal

Petang-petang, kilang simen sedut air terjun buat cuci lori-lori dan bekas simen, kemudian mereka lepaskan air kotor masuk balik ke kolam takungan

memori.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di kawasan air terjun itu hari ini mendapati walaupun alirannya masih ada, namun kedalaman kolam takungannya hanya pada paras buku lali kanak-kanak, manakala warna airnya lebih pekat daripada teh susu, selain kawasan persekitaran yang kotor.

Semuanya berpunca daripada pencemaran oleh sebuah kilang memproses simen yang terletak

berhampiran air terjun berkenaan yang menyedut air untuk mencuci peralatan dan lori sebelum melepaskan semula air yang dipenuhi keladak simen ke aliran air terjun itu.

Menurut salah seorang penduduk asal Kampung Perlis, Md. Hassan Ishak, 64, kawasan kolam dan air terjun itu mulai kotor dan dipenuhi pasir serta sisa simen sejak kilang tersebut beroperasi beberapa tahun lalu.

MD.
HASSAN
ISHAK

“Petang-petang, kilang simen sedut air terjun buat cuci lori-lori dan bekas simen, kemudian mereka lepaskan air kotor masuk balik ke kolam takungan.

“Bukan setakat itu, air dari tandas pun mereka lepaskan masuk sama,” ujarinya sambil menunjukkan pasir sungai bercampur sisa simen dan beberapa ketul simen beku yang terdapat di sungai berkenaan kepada *Utusan Malaysia*.

Md. Hassan yang juga dikenali sebagai Pak Hassan ‘Sup Tulang Airport’ kerana pernah membuka warung menjual sup tulang suatu ketika dahulu memberitahu, pihak pengurusan kilang memproses simen terbabit berjanji untuk menghentikan ope-

■ Lihat muka 2

UM- 8/2/2007

Air terjun zaman kanak-kanak PM dicemari keladak simen

rasinya Disember lalu.

“Mereka berjanji dengan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) selepas penduduk kampung membuat aduan berkenaan pencemaran yang berlaku di air terjun berkenaan tetapi sehingga kini, kilang itu masih beroperasi,” katanya.

Beliau yang pernah menjadi rakan permainan Perdana Menteri ketika zaman kanak-kanak memberitahu, kawasan kolam air terjun itu pernah diperbaiki dan dibersihkan oleh JKKK selepas mendapat peruntukan RM70,000 daripada kerajaan awal tahun lalu tetapi keadaan menjadi kembali teruk.

Sebelum ini, Perdana Menteri, pernah mengimbau kenangan keseronokan mandi-manda di sebuah air terjun di Bayan Lepas pada zaman kecilnya tetapi semuanya tinggal kenangan sahaja.


Malahan, Abdullah sendiri pernah beberapa kali membuat teguran berhubung kua-

liti air sungai di negara ini dengan yang terbaru ketika melancarkan program Penanaman Pokok Bakau dan Spesies Tanaman Sesuai di persisiran Pantai Negara di Pulau Sayak, Kota Kuala Muda, Kedah, Jumaat lalu.

Perdana Menteri menyuarakan rasa sakit hatinya dengan keadaan air sungai yang berubah kepada warna teh susu akibat sikap manusia membuang sampah ke dalam sungai dengan memberikan analogi: “Dulu ada ikan dan udang tetapi sekarang dua minit anak buaya pun boleh mati.”

Sementara itu, seorang lagi penduduk Kampung Perlis, Amran Hamidun, 51, memberitahu penduduk kampung sudah bosan dengan sikap pihak berkuasa tempatan yang hanya ‘melihat’ kawasan itu tanpa mengambil sebarang tindakan untuk membersihkannya.

“Disebabkan rasa sayang pada air terjun ini, kami orang kampung bergotong-ropong membuang pasir hanya mengguna-



AIR terjun di Kampung Perlis, Bayan Lepas, Pulau Pinang tercemar teruk akibat pencemaran yang didakwa berpunca daripada sebuah kilang memproses simen.

kan tangan dan cangkul setiap kali pasir mula penuh dalam kolam, semata-mata nak bagi budak-budak merasa mandi macam kami dahulu,” katanya yang kini bekerja sebagai pengawal keselamatan di Pejabat Pos Bayan Lepas di sini.

Isteri Amran, Jamilah Yassin, 50, pula berkata, walaupun ada lagi pengunjung yang sanggup mandi di air terjun berkenaan, namun mereka hanya mandi sekejap

sahaja kerana tidak tahan dengan keadaan air yang kotor.

“Lepas mandi, badan jadi putih, rambut licin jadi keras macam dawai sebab sudah bersalut dengan simen,” katanya sambil menunjukkan bekas rumah pam milik Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBA) yang sebelum ini digunakan bagi menyalurkan air untuk kegunaan penduduk di Bayan Lepas.